

TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS KANAK-KANAK 5+ DAN 6+ TAHUN

**Ahmad Muaz Muhd Hairi
Nik Nur Syazwani Ibrahim
Aziyati Zahirah Asnil Aimi**
Kolej Universiti Islam Melaka

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak dan adakah faktor jantina akan mempengaruhi perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak yang berumur dari lima hingga enam tahun. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang mana telah dijalankan di sebuah tadika di Kuala Lumpur serta telah melibatkan seramai 30 orang responden yang terdiri daripada 12 orang lelaki dan 18 orang perempuan. Berpandukan satu set senarai semak yang telah diubahsuai, pengkaji telah menilai tahap kemahiran responden melalui hasil lembaran kerja yang telah disediakan oleh pengkaji. Hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai min adalah $\text{min}=4.25$, $\text{sp}=0.49$. Manakala bagi faktor jantina pula menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak. Hal ini kerana tidak ada perbezaan yang signifikan pada skor lelaki ($\text{min}=2.91$, $\text{s.p}=0.28$) dan perempuan ($\text{min}=2.94$, $\text{s.p}=0.23$; $t=0.28$; $\text{df}=28$ $p=0.77$ iaitu lebih daripada 0.05). Hal ini memberikan kesimpulan bahawa penilaian awal perlu dijalankan ke atas kanak-kanak supaya tahap kemahiran literasi mereka boleh dikenal pasti sejak awal lagi. Implikasi kajian pula menunjukkan skala yang telah diubahsuai ini dapat digunakan untuk melihat tahap kemahiran menulis kanak-kanak tidak kira bahasa yang digunakan oleh mereka.

Kata kunci: *penguasaan, kemahiran menulis, kanak-kanak*

Abstract

The aim of this study are to identify the mastery level of children's writing skills and identify whether gender factor will affect the difference in the mastery level of writing skills of children aged five to six years. This study was done quantitatively at the chosen preschool in Kuala Lumpur which is has involved a total of 30 respondents consisting of 12 males and 18 females. Based on a set of modified checklist, the researcher has evaluated the mastery level of writing skills of the respondents through the results of worksheets provided by the researcher. The results showed that the mastery level of children's writing skills is at a high level with a mean value of $\text{mean} = 4.25$, $\text{sp} = 0.49$. As for the gender factor, it showed that there is no significant difference between gender and the mastery level of children's writing skills. This is because there is no significant difference in the scores of males ($\text{mean} = 2.91$, $\text{s.p} = 0.28$) and scores of females ($\text{mean} = 2.94$, $\text{s.p} = 0.23$; $t = 0.28$; $\text{df} = 28$ $p = 0.77$ which is more than 0.05). This concluded that early assessment should be conducted on children so that their level of literacy skills can be identified from the outset. The implications of this study show that this modified scale can be used to see the level of children's writing skills regardless of their use language.

Keywords: *mastery, writing skills, children*

PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan sistem pendidikan dan penjagaan kanak-kanak dari usia lapan tahun oleh individu selain ahli keluarga dalam persekitaran yang berbeza dengan rumah mereka (Follari, 2015). Persekitaran ini akan dapat membantu kanak-kanak berkembang dari segi kebolehan, minat, budaya, nilai, bahasa dan keterampilan diri. Menurut Merrell (2016), kanak-kanak juga akan mempelajari kemahiran membaca seperti mengenal bunyi huruf, menyebut perkataan, ritma, suku kata dan banyak lagi. Jangkaan dan keperluan terhadap perkembangan literasi telah menjadi keutamaan dalam kalangan kanak-kanak (Lindsey, 2016). Oleh itu, penekanan terhadap penguasaan kemahiran literasi adalah penting dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Menurut Francesconi dan Heckman (2016), pendidikan seawal usia kanak-kanak adalah berkesan dalam membantu membina kemahiran untuk alam dewasa kelak. Tambahan lagi, salah satu kemahiran yang paling sukar untuk dipelajari oleh kanak-kanak adalah kemahiran untuk menulis (Merrell, 2016).

Oleh yang demikian, penulisan merupakan salah satu kemahiran literasi yang penting kepada kanak-kanak. Kanak-kanak juga perlu menguasai tulisan tangan bagi membantu mereka menguasai pembelajaran sepanjang usia mereka. Selain untuk tujuan pendidikan, tulisan tangan juga boleh menyampaikan mesej atau berkomunikasi dalam bentuk bertulis. Menurut Lust dan Donica seperti dinyatakan dalam Tse, Siu, dan Li-Tsang (2019), tulisan tangan merupakan bentuk yang signifikan kepada komunikasi bertulis sepanjang hidup mereka. Kanak-kanak yang menguasai tulisan tangan dengan baik akan cenderung untuk berjaya pada masa hadapan.

Tulisan tangan menunjukkan sejauh mana kanak-kanak boleh melaksanakan perwakilan simbolik bahasa di dalam konteks persekitaran (Rubin & Carlan seperti dinyatakan dalam Tse et al. 2019). Kanak-kanak yang menguasai tulisan tangan akan dapat berfungsi dengan sebaiknya di dalam persekitaran mereka. Antara penulisan tangan terawal yang akan diajarkan kepada kanak-kanak adalah kemahiran menulis nama. Apabila kanak-kanak mampu menulis nama mereka sendiri, mereka dapat menyampaikan mesej kepada orang lain selain membolehkan mereka mengenali diri mereka sendiri. Seperti yang dinyatakan oleh Haney di dalam Tse et al. (2019), kanak-kanak kebiasaannya bermotivasi untuk mempelajari menulis nama sendiri dan ianya dikaitkan dengan keyakinan dan perwakilan diri mereka.

Penulisan tangan bagi nama kanak-kanak juga akan dapat menggambarkan kemahiran literasi mereka. Diamond et al. dan Welsch di dalam Tse et al. (2019) mengatakan penulisan nama kanak-kanak berkait rapat dengan kemahiran literasi awal mereka seperti menamakan huruf. Kajian ini akan melihat aspek perkembangan tulisan tangan kanak-kanak. Berdasarkan hasil kerja Hildreth yang terdahulu, Lieberman telah membangunkan skala 16 markah untuk menilai kemahiran menulis nama kanak-kanak di antara umur tiga hingga enam (Tse et al., 2019) dan skala itu telah diadaptasi untuk disesuaikan dengan kajian ini.

TINJAUAN LITERATUR

Kemahiran menulis kanak-kanak mempunyai kaitan rapat dengan perkembangan literasi awal. *National Reading Panel* (2000) menyarankan lima komponen kemahiran literasi awal kanak-kanak iaitu; (i) prinsip abjad; (ii) kesedaran fonemik; (iii) fonetik; (iv) pembendaharaan kata; dan (v) kefahaman teks. Beaty (2013) dan Mahzan (2012) menyarankan kemahiran literasi awal kanak-kanak berkaitan dengan kebolehan mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kesemua kemahiran ini penting bagi menyediakan kanak-kanak untuk kejayaan mereka di masa hadapan (Crowther, 2011).

Dalam kajian ini, literasi awal yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah berkaitan dengan tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak. Kemahiran menulis kanak-kanak merupakan proses pembelajaran yang memerlukan latihan serta panduan daripada guru atau ibu bapa. Kebolehan kanak-kanak untuk dapat menulis dengan baik dan teratur perlulah diberikan latihan awal kepada mereka sejak dari kecil lagi. Ini kerana kemahiran menulis ini ada kaitan dengan latihan pra-menulis, latihan kemahiran motor halus dan latihan koordinasi mata dan tangan. Jika perkara ini dapat dimulakan pada peringkat awal kepada kanak-kanak, ia dapat membantu kepada kanak-kanak tersebut untuk menguasai kemahiran menulis pada umur yang sepatutnya. Perkara ini disokong oleh kajian lepas dimana sepatutnya kanak-kanak prasekolah sudah dapat menguasai menulis huruf dengan betul

(Puranik dan Lonigan, 2011), menulis nama (Diamond dan Baroody, 2013), menyebut perkataan dan melukis sesuatu gambar yang bermakna (Bourke, 2014).

Kemahiran menulis dan kemahiran membaca perlu diajar dan dilaksanakan bersama. Ini kerana jika salah satu kemahiran tersebut tidak dapat dikuasai oleh kanak-kanak, ia akan menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran literasi. Sebagai contoh, jika seorang kanak-kanak boleh membaca dengan baik tetapi tidak mahir untuk menterjemahkan perkataan tersebut ke dalam bentuk tulisan, ia akan membantutkan proses kanak-kanak tersebut untuk membina perkataan dan menulis ayat mudah. Kajian lepas mendapati golongan dewasa yang menamatkan persekolahan di peringkat yang lebih tinggi adalah dari golongan yang menunjukkan tahap penguasaan membaca dan menulis yang baik semasa mereka masih kanak-kanak (Kutner, Greenberg, Jin Boyle, Hsu, & Dunleavy, 2007).

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif. Instrumen yang digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini ialah senarai semak. Penilaian tahap kemahiran menulis kanak-kanak yang ingin dikaji memerlukan pelaksanaan aktiviti, proses pemerhatian dan merekodkan di dalam senarai semak. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak dan (ii) mengenalpasti perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak mengikut jantina.

Borang senarai semak ini tertumpu kepada tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak di tadika. Seramai 30 orang responden yang terdiri daripada 12 orang lelaki dan 18 orang perempuan. Ini melibatkan kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun merangkumi bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa. Semua kanak-kanak yang menjadi responden bagi kajian ini akan menerima arahan dan latihan yang sama serta mengikut standard yang telah ditetapkan. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji kerana melalui cara kanak-kanak menjawab soalan yang diberikan, ia mampu memberikan hasil dapatan data yang tepat dan jitu. Soalan yang telah dibina adalah berdasarkan jenis soalan yang memerlukan jawapan yang ditulis oleh murid. Responden hanya diminta untuk menulis jawapan pada ruang yang disediakan.

Tadika yang dipilih oleh pengkaji adalah tadika di dalam bandar. Kebanyakan kanak-kanak di tadika ini berasal daripada keluarga yang berpendidikan dan telah dipilih secara rawak. Walaupun begitu, kajian ini dijalankan ke atas kanak-kanak yang bersekolah di tadika ini untuk mengkaji potensi kemahiran menulis mereka. Kemahiran menulis kanak-kanak diuji berserta dengan kemahiran membaca dan kemahiran mendengar. Permulaan proses latihan untuk kajian dijalankan oleh guru, guru akan mengedarkan lembaran kerja kepada kanak-kanak. Selepas itu, guru akan menerangkan arahan yang perlu dibuat oleh kanak-kanak di dalam lembaran kerja tersebut. Guru juga perlu menyebut perkataan dan nombor di hadapan kanak-kanak dan selepas itu kanak-kanak perlu menulis perkataan atau nombor yang disebut oleh guru. Setelah tugas tersebut diselesaikan oleh kanak-kanak, lembaran kerja ini akan dikutip semula oleh guru. Akhir sekali, pengkaji akan menilai kemahiran menulis kanak-kanak menggunakan senarai semak berdasarkan hasil lembaran kerja kanak-kanak.

DAPATAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak. Segala bentuk data maklumat yang diperolehi dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada analisis borang soal selidik ke atas 30 orang kanak-kanak di Kuala Lumpur. Perbincangan telah ditumpukan untuk menjawab objektif-objektif yang terdapat dalam kajian:

- i. Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak.
- ii. Mengenalpasti perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak mengikut jantina.

Komponen I: Maklumat diri responden


Komponen ini akan menjelaskan beberapa maklumat mengenai responden yang terlibat secara deskriptif:

Umur

Dalam kajian ini, terdapat 6 orang kanak-kanak berusia enam tahun (20%) manakala yang selebihnya adalah 24 orang kanak-kanak berusia lima tahun (80%) yang terlibat. Bilangan dan peratusan bilangan responden mengikut umur adalah seperti di dalam Jadual 4.1 dan Rajah 4.1

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
5 tahun	24	80
6 tahun	6	20

Jadual 4.1: Bilangan responden mengikut umur (N=30)




Rajah 4.1

Jantina

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat 12 orang kanak-kanak lelaki (40%) dan 18 orang kanak-kanak perempuan (60%) yang terlibat. Bilangan dan peratusan bilangan mengikut jantina adalah seperti di dalam Jadual 4.2 dan Rajah 4.2

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	12	40
Perempuan	18	60

Jadual 4.2: Bilangan responden mengikut jantina (N=30)




Rajah 4.2

Keturunan

Dalam kajian ini, majoriti responden (80%) adalah kanak-kanak berbangsa Melayu iaitu seramai 24 orang. Hanya seorang responden (3.3%) mewakili cina dan india manakala sebanyak (13.3%) iaitu seramai 4 orang responden mewakili bangsa lain. Bilangan dan peratusan bilangan mengikut bangsa dapat dilihat seperti di dalam Jadual 4.3 dan Rajah 4.3

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	24	80
Cina	1	3.3
India	1	3.3
Lain-lain	4	13.3

Jadual 4.3: Bilangan responden mengikut bangsa (N=30)



Rajah 4.3

Komponen II: Objektif kajian

Komponen II ini akan menumpukan kepada objektif-objektif kajian yang dijelaskan pada pengenalan. Kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah yang dikategorikan kepada tiga tahap iaitu tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah berdasarkan interpretasi skor min pada Jadual 4.4. Tahap kemahiran menulis kanak-kanak dinilai berdasarkan 10 item yang dijalankan di dalam ‘Aktiviti Mari Menulis’ dan kemudian ia direkodkan di dalam senarai semak yang telah diadaptasi.

Skor Min	Tahap	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah	Kurang mahir di dalam kemahiran menulis
2.34 – 3.66	Sederhana	Mahir di dalam kemahiran menulis
3.67 – 5.00	Tinggi	Sangat mahir di dalam kemahiran menulis

Jadual 4.4: Interpretasi skor min dan tahap kemahiran menulis kanak-kanak.

Dapatan objektif kajian (i): Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak.

Bahagian ini adalah untuk membincangkan hasil kajian berkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak yang dikategorikan kepada tiga tahap berdasarkan interpretasi skor min pada Jadual 4.5.

Nilai min	Kekerapan	Peratusan (%)	Tahap
<2.33	0	0	Rendah
2.331- 3.66	2	2.7	Sederhana
>3.661	28	93.3	Tinggi

Jadual 4.5: Tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak (N=30)

Berdasarkan jadual 4.5, secara keseluruhan hasil analisis menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 28 orang (93.3%) mempunyai tahap penguasaan kemahiran menulis yang tinggi. Manakala hanya 2 orang responden sahaja (2.7%) berada pada tahap sederhana dan tiada seorang pun yang mempunyai tahap penguasaan menulis yang rendah. Secara keseluruhannya, tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai min adalah min=4.25, sp=0.49.

Bagi mendapatkan perbandingan skor min, setiap item di dalam senarai semak telah dianalisis. Dapatan yang diperolehi menunjukkan kesemua item berada pada tahap tinggi dengan purata min=4.26.

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
> 2.33	1	3.3	Rendah
2.34	4	13.3	Sederhana
-			
3.66			
> 3.67	25	83.3	Tinggi

Jadual 4.6: Tahap kemahiran menulis kanak-kanak di dalam latihan menyambungkan garisan putus-putus.

Berdasarkan jadual 4.6, hasil analisis menunjukkan kanak-kanak tadika iaitu seramai 25 orang (83.3%) mempunyai kemahiran untuk menyambungkan garisan putus-putus adalah di tahap tinggi. Manakala seramai 4 orang kanak-kanak tadika (13.3%) berada pada tahap sederhana dan hanya satu orang kanak-kanak tadika (3.3%) di tahap rendah. Secara keseluruhan, tahap pencapaian kanak-kanak tadika bagi latihan menyambungkan garis putus-putus adalah berada di tahap tinggi (min = 4.10, sp = 0.758).

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	2	6.7	Rendah
> 3.67	28	93.3	Tinggi

Jadual 4.7: Tahap kemahiran menulis kanak-kanak di dalam latihan menulis huruf.

Berdasarkan jadual 4.7, hasil analisis menunjukkan kanak-kanak tadika iaitu seramai 28 orang (93.3%) di dalam latihan menulis huruf berada di tahap yang tinggi. Manakala seramai 2 orang kanak-kanak tadika (6.7%) berada di tahap rendah. Secara keseluruhan, tahap pencapaian kanak-kanak tadika bagi latihan menulis huruf adalah berada di tahap tinggi (min = 4.43, sp = 0.817).

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
> 2.33	1	3.3	Rendah
2.34	1	3.3	Sederhana
-			
3.66			
> 3.67	28	93.3	Tinggi

Jadual 4.8: Tahap kemahiran menulis kanak-kanak di dalam latihan menulis dua suku kata.

Berdasarkan jadual 4.8, hasil analisis menunjukkan kanak-kanak tadika iaitu seramai 28 orang (93.3%) di dalam latihan menulis dua suku kata adalah di tahap tinggi. Manakala hanya satu orang kanak-kanak tadika (3.3%) berada pada tahap sederhana dan rendah. Secara keseluruhan, tahap

pencapaian kanak-kanak tadika bagi latihan menulis dua suku kata adalah di tahap tinggi ($\text{min} = 4.40$, $\text{sp} = 0.723$)

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
2.34	2	6.7	Sederhana
-			
3.66			
>	28	93.3	Tinggi
3.67			

Jadual 4.9: Tahap kemahiran menulis kanak-kanak di dalam latihan menulis perkataan.

Berdasarkan jadual 4.9, hasil analisis menunjukkan kanak-kanak tadika iaitu seramai 28 orang (93.3%) di dalam latihan menulis perkataan berada di tahap yang tinggi. Manakala seramai 2 orang kanak-kanak tadika (6.7%) berada di tahap rendah. Secara keseluruhan, tahap pencapaian kanak-kanak tadika bagi latihan menulis perkataan adalah berada di tahap tinggi ($\text{min} = 4.33$, $\text{sp} = 0.606$).

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
2.34	1	3.3	Sederhana
-			
3.66			
>	29	96.7	Tinggi
3.67			

Jadual 4.10: Tahap kemahiran menulis kanak-kanak di dalam latihan menulis nombor

Berdasarkan jadual 4.10, hasil analisis menunjukkan kanak-kanak tadika iaitu seramai 29 orang (96.7%) di dalam latihan menulis nombor berada di tahap yang tinggi. Manakala hanya satu orang kanak-kanak tadika (3.3%) berada di tahap sederhana. Secara keseluruhan, tahap pencapaian kanak-kanak tadika bagi latihan menulis nombor adalah berada di tahap tinggi ($\text{min} = 4.53$, $\text{sp} = 0.571$).

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
>	2	6.7	Rendah
2.33			
2.34	6	20	Sederhana
-			
3.66			
>	22	73	Tinggi
3.67			

Jadual 4.11: Tahap kemahiran menulis kanak-kanak di dalam latihan menulis huruf di atas buku garis tiga

Berdasarkan jadual 4.11, hasil analisis menunjukkan kanak-kanak tadika iaitu seramai 22 orang (73%) di dalam latihan menulis huruf di atas buku garis tiga adalah di tahap tinggi. Manakala seramai 6 orang kanak-kanak tadika (20%) pada tahap sederhana dan hanya dua orang kanak-kanak tadika (6.7%) berada di tahap rendah. Secara keseluruhan, tahap pencapaian kanak-kanak tadika bagi menulis huruf di atas buku garis tiga adalah di tahap tinggi ($\text{min} = 4.13$, $\text{sp} = 0.973$).

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
> 2.33	1	3.3	Rendah
2.34	5	16.7	Sederhana
-			
3.66			
> 3.67	24	80	Tinggi

Jadual 4.12: Tahap kemahiran menulis kanak-kanak di dalam latihan menulis perkataan di atas buku garis tiga

Berdasarkan jadual 4.12, hasil analisis menunjukkan kanak-kanak tadika iaitu seramai 24 orang (80%) di dalam latihan menulis perkataan di atas buku garis tiga adalah di tahap tinggi. Manakala seramai 5 orang kanak-kanak tadika (16.7%) pada tahap sederhana dan hanya seorang kanak-kanak tadika (3.3%) berada di tahap rendah. Secara keseluruhan, tahap pencapaian kanak-kanak tadika bagi menulis perkataan di atas buku garis tiga adalah di tahap tinggi (min = 4.10, sp = 0.803).

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
> 2.33	1	3.3	Rendah
2.34	6	20	Sederhana
-			
3.66			
> 3.67	23	76.7	Tinggi

Jadual 4.13: Tahap kemahiran menulis kanak-kanak di dalam latihan menulis nama sendiri

Berdasarkan jadual 4.13, hasil analisis menunjukkan kanak-kanak tadika iaitu seramai 23 orang (76.7%) di dalam latihan menulis nama sendiri adalah di tahap tinggi. Manakala seramai 6 orang kanak-kanak tadika (20%) pada tahap sederhana dan hanya seorang kanak-kanak tadika (3.3%) berada di tahap rendah. Secara keseluruhan, tahap pencapaian kanak-kanak tadika bagi latihan menulis nama sendiri adalah di tahap tinggi (min = 4.06, sp = 0.827).

Dapatan objektif kajian (ii): Mengenalpasti perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak mengikut jantina.

Konstruk	Faktor	Min	s.p	t	Sig.
Tahap penguasaan menulis	Lelaki	2.91	0.28		
	Perempuan	2.94	0.23	0.28	0.77

Jadual 4.14: Perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis mengikut jantina (N=3)

Ujian t sampel bebas telah dilaksanakan untuk membandingkan sama ada terdapat perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis antara lelaki dengan perempuan. Hasil menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan pada skor lelaki ($\text{min}=2.91$, $s.p=0.28$) dan perempuan ($\text{min}=2.94$, $s.p=0.23$; $t=0.28$; $df=28$ $p=0.77$ iaitu lebih daripada 0.05). Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak.

RUMUSAN

Berdasarkan objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap penguasaan menulis kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan menulis kanak-kanak adalah pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana nilai min bagi tahap penguasaan menulis kanak-kanak yang tinggi adalah sebanyak 4.25. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada tahap penguasaan yang rendah di kalangan kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini.

Kajian yang telah dijalankan juga mendapati bahawa tahap penguasaan kanak-kanak bagi latihan menyambung garis putus-putus juga berada pada tahap yang tinggi. Nilai min yang ditunjukkan daripada kajian ini adalah sebanyak 4.10. Kajian yang telah dijalankan turut menguji tahap penguasaan kanak-kanak dalam latihan menulis huruf. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan dalam latihan menulis huruf juga berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.43.

Tahap penguasaan kanak-kanak bagi latihan menulis dua suku kata menunjukkan skor nilai min sebanyak 4.40. Oleh itu, tahap penguasaan kanak-kanak bagi latihan menulis dua suku kata berada di tahap yang tinggi. Tambahan lagi, skor min bagi tahap penguasaan latihan menulis perkataan adalah 4.33. Tahap penguasaan bagi item ini juga berada pada tahap yang tinggi.

Item-item lain di dalam kajian yang telah dijalankan juga menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi seperti item latihan menulis nombor, latihan menulis huruf di atas buku garis tiga dan latihan menulis nama sendiri. Nilai min bagi latihan menulis nombor adalah 4.53 dan nilai min bagi latihan menulis huruf di atas buku garis tiga adalah 4.13. Manakala nilai min bagi latihan menulis nama sendiri adalah 4.06.

Seterusnya, objektif kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti perbezaan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak mengikut jantina. Dapatan yang diperolehi daripada hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan di antara skor bagi kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi di dalam kajian yang dijalankan, terdapat beberapa perbincangan yang dapat dibuat. Analisis bagi objektif pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak menunjukkan telah mencapai pada tahap yang tinggi.

Hal ini boleh dikaitan kerana terdapat beberapa item dalam senarai semak ‘Aktiviti Mari Menulis’ yang telah digunakan semasa kajian dijalankan, memerlukan bantuan dan sokongan daripada guru untuk memastikan kanak-kanak boleh melakukan aktiviti tersebut. Dapatan ini disokong oleh Graham (2018), yang menyatakan dalam komuniti menulis di sekolah, guru ataupun rakan sebaya adalah seseorang yang akan bertindak sebagai mentor. Selain itu juga, kajian oleh Rashidah & Masronnieka (2015) juga boleh menyokong dapatan kajian ini yang menyatakan bimbingan daripada guru berperanan besar bagi membolehkan murid prasekolah mempelajari kemahiran menulis serta membantu mereka memperbaiki kekemasan tulisan mereka.

Keduanya, kebolehan kanak-kanak untuk dapat menulis dengan baik dan teratur perlulah diberikan latihan awal kepada mereka sejak dari kecil lagi. Ini kerana kemahiran menulis ini ada kaitan dengan latihan pra-menulis, latihan kemahiran motor halus dan latihan koordinasi mata dan tangan. Jika perkara ini dapat dimulakan pada peringkat awal kepada kanak-kanak, ia dapat

membantu kepada kanak-kanak tersebut untuk menguasai kemahiran menulis pada umur yang sepatutnya. Perkara ini disokong oleh kajian lepas dimana sepatutnya kanak-kanak prasekolah sudah dapat menguasai menulis huruf dengan betul (Puranik dan Lonigan, 2011), menulis nama (Diamond dan Baroody, 2013), menyebut perkataan dan melukis sesuatu gambar yang bermakna (Bourke, 2014).

Perbincangan seterusnya yang dapat pengkaji rumuskan berdasarkan kajian ialah kemahiran membaca dan kemahiran menulis perlu diajar dan diterapkan bersama. Ini kerana jika salah satu kemahiran tersebut tidak dapat dikuasai oleh kanak-kanak, ia akan menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran literasi. Sebagai contoh, jika seorang kanak-kanak boleh membaca dengan baik tetapi tidak mahir untuk menterjemahkan perkataan tersebut ke dalam bentuk tulisan, ia akan membantutkan proses kanak-kanak tersebut untuk menulis perkataan. *National Governors Association Center for Best Practices and Council of Chief State School Officers* (2010) menyatakan penting untuk kanak-kanak menguasai kemahiran literasi sepenuhnya terutamanya di peringkat prasekolah. Penyataan ini menyokong bahawa kemahiran membaca dan menulis itu perlu dikuasai kedua-duanya oleh kanak-kanak terutamanya di peringkat prasekolah.

Dalam Teori Perkembangan Robert Havighurst yang dikemukakan pada tahun 1952, beliau telah membahagikan tugas perkembangan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama adalah melibatkan peringkat umur kanak-kanak dari peringkat bayi hingga enam tahun. Pada peringkat tersebut, Robert menyatakan kanak-kanak usia lima tahun dan enam tahun telah bersedia untuk belajar tentang tandatanda yang mewakili huruf dan perkataan. Ini dapat menyokong bahawa kemahiran membaca dan kemahiran menulis perlu seiring untuk meningkatkan kemahiran literasi kanak-kanak.

Bagi objektif kajian kedua pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak. Kajian ini didapati konsisten dengan analisis kajian Tse, et. al (2019) yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan jantina dalam kemahiran menulis nama Chinesse. Tse, et. Al berpendapat kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan mempunyai potensi kebolehan menulis yang sama. Kajian tersebut bertentangan dengan kajian Kim, Al Otaiba, Wanzek, & Gatlin (2015) yang telah membuktii bahawa kanak-kanak perempuan menghasilkan teks yang baik dan berkualiti berbanding kanak-kanak lelaki. Hal ini berlaku kerana didapati faktor latihan menulis yang diperolehi oleh kanak-kanak perempuan adalah lebih banyak berbanding kanak-kanak lelaki yang hanya menulis tanpa latihan yang berterusan (Kim, Al Otaiba, Wanzek, & Gatlin, 2015).

Hal ini menjelaskan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran menulis seseorang kanak-kanak itu. Banyak kajian dan teori perkembangan awal kanak-kanak menyatakan kanak-kanak berlainan jantina yang berada di peringkat umur sama mempunyai kebolehan pengetahuan yang lebih kurang sama dan tidak berbeza antara satu sama lain.

IMPLIKASI

Kajian ini membolehkan pengkaji melihat sejauh mana kemahiran penulisan tangan kanak-kanak di area bandar. Selain daripada kemahiran penulisan, pengkaji dapat melihat bagaimana kanak-kanak menulis atau membentuk sesuatu huruf dengan betul. Skala yang diadaptasi juga merupakan skala untuk melihat penulisan kanak-kanak dalam Bahasa Cina yang turut diubahsuai daripada skala untuk Bahasa Inggeris. Hal ini menunjukkan bahawa skala ini dapat digunakan untuk melihat tahap kemahiran kanak-kanak tidak kira bahasa yang digunakan oleh mereka.

Seperti yang dinyatakan oleh Diamond et al. dan Welsch di dalam Tse et al. (2018), penulisan nama kanak-kanak berkait rapat dengan kemahiran literasi awal mereka seperti menamakan huruf. Apabila kanak-kanak mampu menulis sendiri huruf di dalam nama mereka, ia akan membantu kanak-kanak mengenal pasti huruf tersebut sekiranya mereka berjumpa dengan huruf tersebut di dalam persekitaran mereka.

Hasil daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa penilaian awal perlu dijalankan ke atas kanak-kanak supaya tahap kemahiran literasi mereka boleh dikenal pasti sejak awal lagi. Penguasaan

tulisan tangan sejak awal akan membantu kanak-kanak mengenal lebih banyak huruf dan mampu menulisnya dengan baik (Tse et al., 2019). Kemahiran ini akan membantu kanak-kanak bagi pembelajaran seumur hidup mereka.

KESIMPULAN

Penulisan merupakan salah satu kemahiran literasi yang penting kanak-kanak. Penguasaan tulisan tangan juga akan membantu pembelajaran kanak-kanak serta dapat membantu penyampaian mesej atau komunikasi bertulis. Penguasaan tulisan tangan yang baik akan membantu kanak-kanak mencapai kejayaan pada masa hadapan. Kanak-kanak yang menguasai kemahiran tulisan tangan dengan baik juga akan lebih mudah memahami cetakan dan tulisan dalam persekitaran mereka. Hal ini kerana tulisan merupakan perwakilan bahasa dan berfungsi bagi menyampaikan maklumat.

Tahap kemahiran literasi kanak-kanak juga dapat dilihat melalui penguasaan tulisan tangan kanak-kanak. Kemahiran awal iaitu penulisan nama kanak-kanak juga berkait rapat dengan kemahiran literasi awal mereka. Melalui penulisan nama juga akan membantu kanak-kanak menguasai nama serta bunyi huruf. Oleh yang demikian, tahap penguasaan penulisan kanak-kanak yang tinggi akan membantu kanak-kanak lebih menguasai kemahiran literasi awal, memahami persekitaran mereka dan seterusnya membantu dalam mencapai kejayaan pada masa akan datang.

Rujukan

- Beaty, J. J. (2013). *Preschool appropriate practices: Environment, curriculum, and development*. Cengage Learning.
- Bourke, L., Davies, S. J., Summer, E., & Green, C. (2014). Individual differences in the development of early writing skills: Testing the unique contribution of visuo-spatial working memory. *Reading and writing: An Interdisciplinary Journal*, 27(2), 315-335.
- Crowther, I. (2011). *Creating effective learning environments* (3rd ed.). Ontario: Nelson Education Ltd.
- Diamond, K. E., & Baroody, A. E. (2013) Associations among name writing and alphabetic skills in prekindergarten and kindergarten children at risk of school failure. *Journal of Early Intervention*, 35(1), 20-39.
- Follari, L. (2015). *Foundations and Best Practices in Early Childhood Education: History, Theories, and Approaches to Learning* (3rd ed.). Pearson Education.
- Francesconi, M. & Heckman, J.J. (2016). Child Development and Parental Investment: Introduction. *The Economic Journal*, 126:F1-F27.
- Graham, S. (2018). A Revised Writer(s)-Within-Community Model of Writing. *Educational Psychologist*, 53:4, 258-279. Diambil daripada <https://www.tandfonline.com/loi/hedp20>
- Kim, Y.-S., Al Otaiba, S., Wanzek, J., & Gatlin, B. (2015). Toward an understanding of dimensions, predictors, and the gender gap in written composition. *Journal of Educational Psychology*, 107(1), 79–95.
- Kutner, M., Greenberg, E., Jin, Y., Boyle, B., Hsu, Y., & Dunleavy, E. (2007). *Literacy in everyday life: Results from the 2003 National Assessment of Adult Literacy* (NCES 2007-480). Washington, DC: National Center for Education Statistics, U.S. Department of Education.
- Lindsey, M.D. (2016). *The Interrelationship of Pre-Kindergarten Writing and an Early Childhood Play Environment*. Oklahoma State University.
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak: Teori dan amali*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Merrell, S.D. (2016). *The Effects of the Image-Making within the Writing Process on Kindergarten Writing*. Minnesota: Hamline University.
- National Governors Association Center for Best Practices and Council of Chief State School Officers. (2010). *Common core state standards for English language arts and literacy in history/social studies, science, and technical subjects: About the standards*. Washington, DC: Authors.
- National Reading Panel. (2000). *Teaching children to read: An evidence-based assessment of the scientific research literature on reading and its implications for reading instruction*. NIH Publication No. 00-4769. Washington, DC: National Institute of Child Health and Human Development, National Institutes of Health.
- Rashidah, E. & Masronnieka E. (2015). Aplikasi Teknik Genggaman Pensel Tripod Berpostur Untuk Meningkatkan Kekemasan Tulisan Murid Prasekolah. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*, 4.
- Puranik, C. S., Lonigan, C. J. (2011). From scribbles to scrabble: Preschool children's developing knowledge of written language. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal*, 24(5), 567-589.
- Tse, L. F. L., Siu, A. M. H. & Tsang, C. W. P (2019). Assessment of early handwriting skill in kindergarten children using a Chinese name writing test. *Reading and writing*, 32(2), 265–284. Diambil daripada <https://link.springer.com/article/10.1007/s11145-018-9861-6>